



Yayasan Waqaf Malaysia



## SIARAN MEDIA

### YAYASAN WAQAF MALAYSIA & MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

---

#### MAJLIS APRESIASI PEWAKAF

**Alor Setar, 17 Mei 2023** – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) pada hari ini telah menganjurkan Hari Apresiasi Pewakaf di The Jerai Hotel, Alor Setar sebagai tanda menghargai para pewakaf terutamanya yang berada di negeri Kedah. Majlis Apresiasi Pewakaf di negeri Kedah ini yang merupakan siri kedua bagi tahun 2023 selepas negeri Terengganu pada 11 April 2023 yang lalu, diadakan sebagai usaha meraikan jalinan kerjasama erat antara YWM dan MAIK dalam usaha memperkasakan wakaf di negeri Kedah.

Seramai 100 orang pewakaf YWM dan MAIK telah dijemput dan diraikan di mana mereka adalah antara pewakaf yang telah mewakafkan tunai secara potongan gaji menggunakan kod potongan gaji YWM iaitu 4474 atau secara *one-off* dan termasuk juga para pewakaf yang mewakafkan aset atau harta tidak alih mereka kepada MAIK. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Sistem Wakaf Tunai Malaysia YWM pada 17 Mei 2023, terdapat seramai 25,841 orang pewakaf berdaftar dan daripada jumlah tersebut, seramai 1,087 pewakaf adalah dari negeri Kedah. Manakala bagi pewakafan secara tunai melalui potongan gaji di negeri Kedah bermula pada tahun 2018 hingga kini adalah seramai 138 orang dengan nilai transaksi sebanyak RM209,033.44 dan terdapat seorang pewakaf dengan jumlah sumbangan wakaf tunai terkumpul tertinggi bernilai RM51,550.

Menerusi majlis yang sama juga, sejumlah RM25,550 menggunakan Dana Manfaat Wakaf YWM dan Dana CSR YWM telah disumbangkan oleh YWM kepada MAIK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM10,000 daripada Dana Manfaat Wakaf YWM telah disumbangkan bagi tujuan Pembinaan Pusat Pelupusan Al-Quran dan sejumlah RM10,550 lagi disumbangkan bagi tujuan pelaksanaan Projek Infak Mini SPBT untuk Murid-Murid KAFA di negeri Kedah. Manakala dengan menggunakan peruntukan Dana CSR YWM, sejumlah RM5,000 telah disumbangkan kepada Pusat Jagaan Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah. Sumbangan cek cura telah disampaikan oleh YBrs. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YWM kepada Dato' Haji Abd. Ghani @ Zulkifli bin Zainuddin, Setiausaha MAIK.

MAIK juga berbesar hati menyampaikan sumbangan duit raya kepada 15 penghuni Pusat Jagaan Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah dan menyerahkan sijil penghargaan kepada agensi-agensi yang berwakaf kepada MAIK.

Kini, urusan pewakafan menjadi lebih mudah dengan adanya skim berwakaf secara potongan gaji sama ada untuk penjawat awam atau swasta. Selain pewakafan melalui skim potongan gaji, YWM turut mengalu-alukan semua pihak sama ada individu, syarikat swasta atau korporat untuk sama-sama menyokong amalan berwakaf menerusi kempen #WakafSeringgitJe anjuran YWM yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Ramadan 1444H yang lalu.

**Kini bermula serendah RM1.00, anda boleh salurkan sumbangan wakaf anda ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia CIMB Islamic Bank Berhad 8602218231, melalui CIMB Clicks! atau imbas QR DuitNow di bawah,**



**-TAMAT-**

**Yayasan Waqaf Malaysia  
17 Mei 2023**

---

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat  
Yayasan Waqaf Malaysia  
019-3883395 | [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)
  2. **Tuan Syeikh Fakhurrazi Bin Yub, Bck.**  
Ketua Bahagian Wakaf  
Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)  
012-4043277 | [ammar.suhaimi@kedah.gov.my](mailto:ammar.suhaimi@kedah.gov.my)
-

**MAKLUMAT TAMBAHAN:  
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN MAIK MENGGUNAKAN DANA WAKAF**

---

A. Senarai Projek Yang Telah Siap:

1. MASJID FATHUL MAJID  
Lot 9857, Kampung Hujung Keton, Mukim Tekai  
Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman  
Kos Pembangunan: RM4,500,000.00
2. MASJID JAMI'UL KHAIR  
Mukim Pedu, Lot PT 2916 (Lot Baru 70566 – GM 2897)  
Khariah Kg. Tong Pelu, Mukim Pedu  
Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman  
Kos Pembangunan: RM700,000.00

B. Senarai Projek Dalam Perancangan:

1. MASJID AL-MUQARRABIN  
HSD74952 Lot PT3262, Kariah Taman Angsana,  
Mukim Bandar Kulim, Kedah darul Aman  
Sasaran Kutipan: RM1,000,000.00



2. MASJID AS-SYAKIRIN  
HSD1146/86 Lot PT230, Kariah Guar Stesyen, Mukim Gurun  
Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman  
Sasaran Kutipan: RM3,610,043.95

3. **MASJID JAMEK AL-HIDAYAH**  
Lot 2504, Kampung Bendang Cherok, Mukim Temin  
Changlun, Kedah Darul Aman  
Sasaran Kutipan: RM4,400,000.00



4. **MASJID DAERAH DI TAMAN PERINDUSTRIAN KULIM HI-TECH**  
Lot PT 10862, Mukim Padang Cina  
Daerah Kulim, Kedah Darul Aman  
Sasaran Kutipan: RM42,873,500.00



5. TAPAK PERKUBURAN ISLAM TAMAN UDA  
Lot PT 4031 Mukim Alor Malai  
Taman Uda, Jalan Sultanah, Alor Setar, Kedah Darul Aman  
Sasaran Kutipan: RM1,698,500.00



6. PEMBINAAN TAMBAHAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA TARBIAH  
DINIAH  
Daerah Kulim, Kedah Darul Aman  
Sasaran kutipan: RM1,552,884.40